

# UMS guna pendekatan pendidikan berasaskan hasil

UB 11-6-2014 AG

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) bergerak maju ke hadapan dengan membina kejayaannya menerusi program akademik berkualiti.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, dalam melakukan perubahan berterusan, UMS mengambil strategi baharu dalam proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan konsep pendidikan berasaskan hasil (OBE).

“Dalam usaha menjadikan negara sebagai hab pendidikan bertaraf antarabangsa, reka bentuk serta pelaksanaan dalam program akademik kita perlu mematuhi program panduan standard seperti yang digariskan dalam agensi

kelayakan Malaysia (MQA).

“Justeru, pelaksanaan program termasuk penyampaian dan penilaian program akademik memainkan peranan penting dalam konteks OBE yang wajib di institusi pengajian tinggi (IPT),” katanya dalam ucapan perasmian pada Seminar Serantau OBE IPT, di Dewan Bankuasi, Bangunan Canselor UMS kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Supt (K) Prof Dr Shariff Omang.

Dalam pada itu, seramai tujuh pakar yang mahir dalam pelbagai bidang dijemput ke seminar terbabit untuk memberikan perkongsian kepada tenaga pengajar mengenai pengalaman serta pengetahuan dalam OBE.

Salah seorang speaker dan juga Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan

Akademik Prof Madya Dr Jaafar Jantan berkata, beliau telah mempratikkan pengajaran dan pembelajaran lebih 28 tahun dan mengamalkan anjakan paradigma berasaskan OBE sejak tahun 1996.

“Anjakan pradigma ini perlu kerana banyak bukti yang telah dihasilkan melalui penulisan iaitu kaedah pengajaran sebelum ini yang bersandarkan Content Based Education (CBE) tidak dapat meningkatkan pengetahuan pelajar pada tahap yang lebih tinggi.

“Hal ini kerana fokus CBE lebih kepada apa yang dipanggil ‘coverage’ topik. Apabila kita katakan coverage topik itu kita letakkan sebanyak mungkin topik untuk setiap satu kursus.

“Namun bagi OBE pula, apa yang penting ialah kita tetapkan hasil yang sepatutnya dicapai atau skill yang patut

diperolehi oleh seseorang pelajar apabila mereka tamat kursus ataupun program,” katanya ketika ditemui pemberita.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Akademik UMS Prof Dr Marcus Jopony berkata, UMS mempratikkan konsep OBE dalam bidang kejuruteraan sejak tahun 2009.

Bagaimanapun katanya, UMS kini dalam usaha untuk memasukkan elemen OBE dalam bidang yang lain selain kejuruteraan bagi melahirkan pelajar yang lebih berkualiti.

“Seminar yang diadakan adalah satu inisiatif dalam memberikan pendedahan tambahan OBE menerusi perkongsian pakar-pakar yang dijemput khas.

“Konsep OBE akan diamalkan secara berterusan selagi tiada perubahan dasar dalam peringkat kementerian,” katanya.



**SHARIFF (dua kanan) menerima cenderahati daripada Marcus. Turut kelihatan Jaafar (tengah).**